

TEMA 1 : KEMASYARAKATAN

Unit 1 : Jiran Tetangga

Aktiviti PAK-21

i-Think

Arahan:

- 1 Guru memberikan soalan bertemakan jiran tetangga kepada setiap murid.
- 2 Murid menggunakan peta i-Think sebagai alat untuk menjana idea.
- 3 Murid juga menggunakan peta i-Think untuk membuat sesuatu persembahan hasil kerja dan membentangkan di hadapan guru.
- 4 Markah akan diberi berdasarkan pembentangan.

Aktiviti PAK-21

Role Play

Arahan:

- 1 Guru menyediakan skrip lakonan yang bertemakan kejiranan.
- 2 Murid-murid dibentuk menjadi beberapa kumpulan dan dikehendaki membaca dan meneliti skrip tersebut.
- 3 Setiap murid dalam kumpulan diberikan tanggungjawab untuk memegang sesuatu peranan atau watak.
- 4 Setiap kumpulan diberikan masa untuk membuat persediaan seperti peralatan pentas, pakaian dan sebagainya.
- 5 Setiap murid membuat persembahan dengan memainkan peranan atau watak yang telah diberikan di hadapan guru.
- 6 Guru akan memberikan ulasan serta markah.



TEMA 1 : KEMASYARAKATAN

Unit 3 : Masyarakat Berilmu

Aktiviti PAK-21

Round Table

Arahan:

- 1 Murid duduk dalam kumpulan dan guru mengemukakan satu tugas yang berkaitan dengan tatabahasa iaitu kata ganti nama diri.
- 2 Secara bergilir, murid memberi dan mencatat satu idea dengan menggunakan pen dan kertas yang sama.
- 3 Hasil dapatan dirujuk dan dibentang.